SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KESIAPSIAGAAN OPERASI PENGURUSAN RISIKO BANJIR HADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) JADI KEUTAMAAN

PUTRAJAYA, 7 NOVEMBER 2026 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 yang bermula pada 27 Oktober 2026 dan dijangka berakhir pada Mac 2027. Perancangan awal, penyelarasan sumber dan kesiapsiagaan operasi menjadi keutamaan PETRA bagi memastikan pengurusan risiko banjir dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh.

Sepanjang MTL 2025/2026 mulai 13 November 2025 hingga 31 Mac 2026, Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) JPS telah mengeluarkan sebanyak **103 buletin hebahan** iaitu 64 Buletin Ramalan Awal Banjir dan 39 Buletin Amaran Banjir. Sebanyak **14.8 juta** khidmat pesanan ringkas (SMS) dihantar kepada penduduk di kawasan berisiko berdasarkan rekod Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Sebanyak **799 kejadian banjir** turut direkodkan di seluruh negara, dengan pecahan berikut:

- 480 kes banjir monsun;
- 274 kes banjir kilat;

- 25 kes banjir genang; dan
- 20 kes banjir pantai.

Kejadian banjir antaranya berpunca daripada limpahan air sungai, masalah saliran dalaman dan air laut pasang, selain faktor setempat seperti longkang tersumbat, pembangunan yang tidak terkawal, pembukaan tanah dan isu pembuangan sampah.

PETRA melalui JPS telah memperkukuh kesiapsiagaan operasi menghadapi MTL 2026/2027 menerusi langkah-langkah berikut:

i. **Ramalan dan amaran banjir:** Pemantauan operasi 24 jam sehari sepanjang tahun menggunakan model ramalan banjir di 36 lembangan sungai, disokong oleh 2,237 stesen hidrologi telemetri yang merekodkan data hujan dan aras air sungai melalui PRABN;
ii. **Kemudahan pemantauan dan amaran:** Sebanyak 614 siren amaran banjir dan 197 kamera pemantauan telah dipasang di lokasi strategik seluruh negara bagi membantu pemantauan situasi semasa;
iii. **Hotspot banjir:** Sebanyak 3,045 lokasi hotspot banjir dikenal pasti berdasarkan rekod kejadian sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh tiga tahun terkini. Kelantan mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 609 lokasi, diikuti Pahang (572 lokasi) dan Terengganu (460 lokasi);
iv. **Kesiapsiagaan aset operasi:** Sebanyak 1,079 unit pintu kawalan air dan 285 buah rumah pam di seluruh negara berada dalam keadaan baik dan siap siaga untuk operasi kawalan banjir. Selain itu, sebanyak 580 unit pam kecemasan mudah alih pelbagai kapasiti sedia untuk digerakkan ke lokasi kritikal bagi mengurangkan risiko banjir.
v. **Pemantauan infrastruktur dan penyelenggaraan:** Pemantauan rapi dilaksanakan terhadap 16 empangan kendalian JPS, 781

kolam takungan banjir serta kerja-kerja penyelenggaraan di lembangan sungai berisiko tinggi;

vi. **Hebahan amaran banjir:** Kerjasama dengan SKMM serta syarikat telekomunikasi diteruskan bagi menyalurkan amaran banjir melalui SMS kepada penduduk di kawasan berisiko; dan

vii. **Pengurusan pelepasan air empangan:** Penyelarasan bersama Pihak Berkuasa Negeri bagi menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pelepasan air empangan untuk meningkatkan keupayaan takungan banjir sepanjang MTL.

Bagi mengurangkan risiko banjir, sebanyak 1,638 kerja-kerja kecil telah dilaksanakan bagi tahun 2026 dengan jumlah kos sebanyak RM652 juta. Selain itu, 342 projek pembangunan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMK13 telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2026 dengan peruntukan sebanyak RM3.2 bilion.

Orang awam disaran supaya sentiasa mengikuti maklumat ramalan dan amaran banjir rasmi JPS melalui laman web Public InfoBanjir serta aplikasi MyPublicInfoBanjir yang boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple App Store.

PETRA terus komited memastikan kesiapsiagaan dan pengurusan risiko banjir dilaksanakan secara cekap dan berkesan demi keselamatan rakyat.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
7 November 2026